

PERKAITAN DI ANTARA STATUS SOSIOEKONOMI KELUARGA DENGAN  
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR ALIRAN TEKNIKAL

ROSLAN AWANG

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHG  
3 0000 00119449 1



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: PERKAITAN DI ANTARA STATUS SOSIOEKONOMI KELUARGA  
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR ALIRAN TEKNIKAL  
SESI PENGAJIAN: 2001 / 2002

Saya ROSLAN AWANG  
(HURUF BESAR)


mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
(TANDATANGAN PENULIS)  
Alamat Tetap:  
No 3 Taman Permata  
Mengabang Telipot 21030  
Kuala Terengganu,  
Terengganu.



Disahkan oleh

  
(TANDATANGAN PENYELIA)

En Kamarolzaman bin Hj Mohd Jidi.  
Nama Penyelia


Tarikh: X September 2001.

Tarikh: 25 September 2001

- CATATAN: \*
- Potong yang tidak berkenaan.
  - Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

"Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)".

Tandatangan



Nama Penyelia

En Kamarulzaman bin Hj Mohd Jidi.

Tarikh

25 September 2001

**KAMAROLZAMAN B. HJ. MOHD. JIDI**

*Pensyarah DS 2*

Institut Teknologi Tun Hussein Olan  
Jabatan Pendidikan dan Kemanusiaan  
Beg Berkunci 101, 86400 Parit Raja,  
Ratu Pahat, Johor.

PTT ALUTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



PERKAITAN DI ANTARA STATUS SOSIOEKONOMI KELUARGA DENGAN  
PENCAPALAN AKADEMIK PELAJAR ALIRAN TEKNIKAL

ROSLAN BIN AWANG

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)


Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2001



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

" Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang  
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

Tandatangan :  .....

Nama Penulis : **Roslan bin Awang**

Tarikh : **25 September 2001**

PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



AlhamduLillah, Allah grant me courage to do today  
what I should have done yesterday.

Kejayaan ini milik kita bersama  
Abah dan Ma

Isteri tercinta Nor Raihan Mohamad dan kedua putera puteri papa tersayang  
Mohamad Ikmal Hanafi dan Esdma Rauhan



PTT ALGORITHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang**

Alhamdulillah Maha Suci Allah yang Maha Agung yang memberikan ruang kepada hambaNya untuk menimba ilmu dunia dan ilmu akhirat sebagai suatu ibadah.

Ucapan terima kasih yang ikhlas kepada penyelia tesis iaitu Encik Kamarolzaman bin Hj. Mohd Jidi yang telah memberikan bimbingan dan nasihat sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terutamanya pihak Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu, akob, akoi, Syl dan semua yang tidak disebutkan namanya.

Tidak lupa terima kasih untuk isteri tercinta, anak-anak tersayang, Ikmal Hanafi dan Esdma Rauhah yang sentiasa memberikan dorongan pada papa selama ini.



## ABSTRAK

Selain daripada mengendalikan fungsi pendidikan, sekolah juga diberikan peranan bagi menyediakan tenaga mahir untuk memenuhi keperluan ekonomi negara. Sekolah aliran teknikal dilihat sebagai satu institusi khusus yang memainkan peranan tersebut. Namun begitu, terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar aliran teknikal ini. Tahap sosioekonomi keluarga telah dikenalpasti antara faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan perkaitan di antara tahap sosioekonomi keluarga seperti tahap pendidikan bapa, jumlah pendapatan dan saiz keluarga terhadap pencapaian akademik pelajar. Sampel kajian ini ialah pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5 yang menetap di asrama Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu. Pelajar ini dipilih kerana mereka mendapat kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang sama. Seramai 80 orang pelajar dalam jurusan teknikal dipilih secara rawak mudah. Keputusan kajian mendapati bahawa hanya saiz keluarga mempunyai korelasi yang tinggi berbanding tahap pencapaian akademik bapa dan jumlah pendapatan keluarga. Ini menunjukkan bahawa faktor saiz keluarga memberikan impak secara langsung kepada pencapaian pelajar walaupun mereka menetap di asrama yang menyediakan suasana dan kemudahan yang sama.

## ABSTRACT

School serves education as well as experts to equip the needs of country. Technical stream school is meant for that purpose. On the other hand several factors could affect the performance of the technical stream students. Socio-economic level has been identified as one of the variable affecting the students performance. This study is an attempt to correlate the socio-economic level such as father's education level, total family earnings, and family size with the student's performance. The sample of this study is the form 4 and 5 student in Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu who stay in the hostel. These students are selected because they share same facilities and environment. Eighty student of technical stream have been selected through a simple random selection. The results of this study only the family size is highly correlated with the student performance. This implies that family sizes give direct impact to the student performance although the students share common facilities and environment.



PERPUSTAKAAN TUNKUTUJUAN AMINAH

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI RAJAH	x
	SENARAI LAMPIRAN	xi
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Persoalan Kajian	9
	1.5 Objektif Penyelidikan	10
	1.6 Kerangka Teori	11
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.8 Skop Kajian	12
	1.9 Definisi Istilah	13
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	
	2.1 Kajian Lepas	16
	2.2 Rumusan	20
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	
	3.1 Pengenalan	20
	3.2 Rekabentuk Kajian	20
	3.3 Pemilihan Sampel	23



3.4	Instrumentasi	23
3.5	Kaedah Analisis	24
3.6	Pembolehubah Tidak bersandar	25
3.7	Pembolehubah bersandar	26
3.8	Hipotesis	27
3.9	Prosedur Penyelidikan	28
3.10	Batasan Kajian	28
3.11	Andaian	28

**BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	29
4.2	Analisis Deskriptif SSE	29
4.2.1	Tahap Pendidikan	30
4.2.2	Jumlah Pendapatan keluarga	30
4.2.3	Saiz Keluarga	31
4.2.4	Pencapaian Akademik	32
4.3	Perkaitan Di antara SSE dan Pencapaian Pelajar	33
4.3.1	Perkaitan Linear Satu Lawan Satu	33
4.3.2	Perkaitan Secara Berbilang	35

**BAB V PERBINCANGAN KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Kesimpulan	38
5.2	Cadangan	40

**BIBLIOGRAFI**

Lampiran A: Borang Soal Selidik	44
Lampiran B: Data Kajian	48
Lampiran C: Skor Z	51
Lampiran D: Surat Permohonan Kajian	53



**SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1	Jadual kriteria pencapaian akademik	32
4.1	Jadual pecahan tahap pendidikan bapa	35
4.2	Jadual pecahan pendapatan bulanan	36
4.3	Jadual tahap pencapaian responden	38
4.4	Jadual analisis regresi berbilang	42
4.5	Jadual analisis regresi berbilang (ulangan)	44

PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka teori kajian	13
4.1	Gred melawan saiz keluarga	39
4.2	Gred melawan tahap pendidikan bapa	40
4.3	Gred melawan jumlah log pendapatan	41



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>A</b>	Borang soal selidik	50
<b>B</b>	Data Kajian	54
<b>C</b>	Skor Z	56
<b>D</b>	Surat permohonan kajian	57



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Wawasan 2020 bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, justeru menuntut warganegaraanya supaya bekerja lebih keras. Saranan ini khas ditujukan kepada generasi yang sedang melengkapkan diri disemua peringkat persekolahan. Ini adalah seiring dengan tuntutan agama ke atas umatnya untuk menetapkan keseimbangan neraca mencari kesenangan dunia dan akhirat. Oleh itu harta yang ingin dicari dan dimiliki perlulah bersifat sebagai alat atau mekanisme kehidupan semata-mata.

Masyarakat Malaysia kini telah menyedari bahawa pendidikan adalah sesuatu yang amat diperlukan dan wajar diberikan kepada semua individu tanpa mengira bangsa, agama, atau warna kulit mengikut tahap kebolehan mereka. Bagi memastikan masyarakat Malaysia mendapat pendidikan yang sewajarnya, kerajaan Malaysia memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi untuk sektor



pendidikan setiap kali belanjawan negara dibentangkan sebagaimana petikan ucapan Perdana Menteri

*Malaysia telah memperuntukkan belanjawan untuk pendidikan, perkara ini perlu diketahui supaya tidak ada pihak yang mempunyai pandangan yang sempit seolah-olah bidang pendidikan diabaikan di negara ini. Pelajaran akan dijadikan sebagai keutamaan dan itulah sebabnya wang dibelanjakan dengan banyaknya bertujuan untuk latihan sama ada dalam negeri atau pun luar negeri*

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Utusan Malaysia 21 April 1995)

Bagi mencapai pendidikan yang seimbang untuk semua kaum di negara ini, landasan awal perlulah dibina seawal titik permulaan individu terbabit menjejakkan kaki ke sekolah dengan meletakkan nilai serta semangat kekitaan, kesetiaan dan ketaatan patriotisma yang tinggi di kalangan mereka (Wan Mohd Zahid Mohd Nordin 1993 :2).

Pada masa kini pelbagai kritikan telah timbul mengenai sistem pendidikan di Malaysia. Antara kritikan yang lebih ketara didengar adalah berhubung dengan pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan yang mereka duduki. Memang tidak dapat dinafikan pencapaian akademik merupakan agenda utama bagi masyarakat di Malaysia.

## 1.2 Latar belakang Masalah

Banyak kajian yang telah dilakukan berhubung dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian pelajar di sekolah. Tanggung jawab guru memberikan perhatian yang lebih besar pada pelajarnya, bertujuan memastikan kemajuan yang akan dicapai oleh mereka. Kemajuan juga merupakan satu perkara yang terlalu di pandang berat oleh para ibu bapa, kerana hampir semua soalan pertama yang diajukan oleh ibu bapa kepada guru adalah bagaimanakah kemajuan pelajaran anaknya di sekolah?.

Di Malaysia, pendidikan rendah dan menengah telah menjadi satu kepentingan asas manakala pendidikan di peringkat institusi pengajian tinggi adalah satu kepentingan yang kurang menekankan perkara asas. Oleh itu pendidikan hingga peringkat menengah dianggap sebagai bersifat asas dan perlu memenuhi kriteria keperluan dan diberi layanan yang sama bagi semua pelajar tanpa ada perbezaan. Sebagai contoh sesuatu layanan yang lebih baik kepada pelajar yang kurang bernasib baik atau yang kurang berkemampuan untuk meneruskan pembelajaran (Abd Rahman Ariff dan Zakaria Kasa 1994 :16).

Berasaskan kepada beberapa petikan di atas ternyata hak bagi mendapatkan pendidikan merupakan asas bagi setiap individu disamping mendapatkan hak layanan yang sama. Walaupun begitu terdapat beberapa pemboleh ubah yang mempengaruhi pendidikan seseorang individu. Antaranya tahap pendidikan ibu bapa, status pekerjaan ibu bapa, tahap pendapatan dan saiz keluarga (Zarinah Arshat dan Rozumah Baharuddin 1999). Kesemua pemboleh ubah ini boleh dirangkumkan sebagai status sosioekonomi (SSE) sesebuah keluarga.

keputusan yang diperolehi amat menyedihkan. Kajian yang dilakukan, menunjukkan pencapaian yang tinggi diperolehi oleh sekolah-sekolah di bandar yang mempunyai pelbagai kemudahan yang lengkap berbanding dengan sekolah diluar bandar (Zarinah Arshat dan Rozumah Baharuddin 1999)

Adalah menjadi lumrah bahawa tugas pendidikan adalah untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak hingga peringkat tinggi dan optimum bagi menjadikan mereka rakyat yang berguna kepada masyarakat dan negara. Melalui pendidikan formal, ia dapat memberi peluang kepada generasi yang akan datang mendapat SSE yang lebih baik. (Atan Long, 1984).

Satu komponen kurikulum yang sangat penting adalah penilaian. Bentuk penilaian dapat membantu guru dan pelajar mengetahui setakat mana pencapaian mereka dalam proses pengajaran pembelajaran yang diikuti. Di peringkat KBSM semua bidang kognitif, psikomotor dan afektif perlu diberi perhatian. Bentuk penilaian yang sesuai perlu dibuat supaya dapat mengelakkan perkara yang tidak seimbang dan berkesan untuk menentukan tujuan pengajaran yang terbaik.

Dari sudut agama pula, Islam menuntut umatnya mencari dan menuntut ilmu pengetahuan sehingga peringkat yang paling tinggi, ini adalah bertetapan dengan wahyu Allah swt yang pertama kepada Rasulullah saw

*Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhan mu Yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah, bacalah dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia dengan perantaraan kalam, Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya,*

Surah Al-Alaq 1-5



Firman Allah yang bermaksud, bahawa tulis dan baca itu adalah ilmu pengetahuan dan kebudayaan yang merupakan alat penyiaran atau penyampai maklumat agama Islam yang terpenting. Seseorang individu yang menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan kepada orang lain adalah sebagai landasan baginya untuk hidup dengan lebih berjaya.

SSE sesebuah keluarga, dapat memberikan sumbangan pada pelajar mendapatkan peluang pendidikan yang sebaik mungkin. Secara tidak langsung ia akan mempengaruhi hubungan terhadap pencapaian akademik pelajar terbabit. Pencapaian akademik pelajar merupakan satu aspek yang sentiasa diberikan perhatian oleh semua pihak yang terlibat di bahagian pendidikan.

Terdapat beberapa faktor yang menentukan pencapaian akademik yang berkaitan dengan kelas sosial yang berbeza bagi menghasilkan perkembangan yang berkesan terhadap pelajar (Ee Ah Meng (1988)). Menurutny lagi faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik yang baik adalah berkait rapat dengan persekolahan pelajar, pergaulan rakan sebaya yang sama-sama berusaha untuk memperolehi kejayaan, aspirasi sekolah yang selalu ditonjolkan dan memberikan motivasi pada pelajarnya, taraf sosial dan SSE keluarga yang memberikan segala bantuan dan kemudahan yang diperlukan untuk persekitaran pelajar.

Secara umumnya daripada pendapat yang diberikan, pengkaji berpendapat bahawa pencapaian akademik pelajar adalah satu permulaan dari segi perhubungan dengan SSE keluarga. Pengkaji sangat berminat untuk melihat sejauh manakah SSE keluarga berkemungkinan dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Matlamat pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa tindakan perlu dilakukan bagi mengurangkan jurang perbezaan dalam pendidikan antara golongan berada dan golongan miskin. Ini dapat dilakukan dengan cara menyediakan pelbagai kemudahan fizikal kepada sekolah di luar bandar supaya setanding dengan sekolah di bandar. Contohnya seperti pemberian buku teks, wang untuk membeli perkara asas dan keperluan, bantuan makanan percuma, biasiswa kecil dan biasiswa untuk pelajaran dalam dan luar negeri.

### 1.3 Penyataan Masalah

Salah satu daripada kesan yang penting berikutan dengan peningkatan proses industrialisasi di Malaysia ialah fungsi keluarga dalam pendidikan semakin berkurangan. Institusi-institusi pendidikan telah mengambil alih tanggungjawab daripada keluarga bukan sahaja fungsi mengajar kemahiran yang khusus tetapi juga kebanyakan daripada latihan yang bersifat normatif. Dalam erti kata lain sekolah telah menjadi agensi sosialisasi utama, semasa anak itu berada sepenuh masa dalam sistem pendidikan tersebut

Namun begitu sekolah sama sekali tidak boleh mengambil alih peranan itu sepenuhnya daripada keluarga walaupun di negara industri yang berkembang maju. Peringkat umur lima atau enam tahun adalah merupakan tahun-tahun asas yang penting bagi setiap anak. Sungguhpun ia telah bersekolah, namun pada kebiasaannya anak itu masih lagi tinggal dengan ibu bapanya dan dipengaruhi oleh tingkah laku dan sikap mereka. Pada masa yang sama faktor persekitaran juga memainkan peranan yang utama dalam peningkatan pendidikan anak.

Di dalam bidang pendidikan tahap sosioekonomi keluarga memberikan kesan terhadap peningkatan pendidikan anak-anak. Walaupun terdapat usaha mendemokratikkan kemudahan pendidikan, terdapat bukti yang menunjukkan terdapatnya perbezaan SSE keluarga dalam kemajuan pendidikan. Ini menyebabkan kajian mengenai latar belakang keluarga dan pencapaian akademik anak perlu dikaitkan dengan SSE.

Masalah-masalah pendidikan pelajar SSE rendah boleh dilihat dari pelbagai sudut, seperti latar belakang keluarga dan masyarakat sekeliling, kemudahan dan kekurangan yang terdapat dalam persekitarannya, pengaruh yang tidak mendorong kepada pembelajaran yang positif pelajar dan peranan ibu bapa dalam proses pembelajaran anak-anak mereka. Keempat-empat faktor ini perlulah dilihat secara serentak bagi menguntai permasalahannya.

Kajian keciciran (1973) di Malaysia menunjukkan bahawa, kanak-kanak daripada keluarga yang SSE rendah berkemungkinan besar tercicir daripada sekolah. Ia boleh mempengaruhi keciciran, sebab kanak-kanak daripada keluarga ini kekurangan zat makanan dan kemungkinan besar diserang oleh penyakit dan menyebabkan kedatangan mereka ke sekolah terganggu, mengakibatkan mundur didalam pelajaran.

Bilangan ahli keluarga yang ramai biasanya akan berlaku kesesakan di dalam rumah, ini diikuti dengan kebisingan dan mengakibatkan anak-anak tidak mendapat keselesaan semasa mengulangkaji pembelajarannya. Faktor-faktor seperti pengawasan, minat dan aspirasi ibu bapa terhadap anak-anak perlu juga diambil kira dari segi pencapaian pembelajaran mereka.

Dalam konteks SSE yang sederhana, faktor-faktor ini dapat ditafsirkan sebagai banyaknya masa yang ditumpukan untuk anak-anak seperti memeriksa atau mendapatkan maklumat mengenai kerja sekolah, membelikan bacaan tambahan dan menghantar mereka ke kelas-kelas tambahan. Bagi keluarga yang SSE rendah keadaan ini amat tertekan. Ini disebabkan terdapat perkara-perkara lain yang lebih penting perlu dilakukan tetapi mungkin kurang mampu atau tidak tahu cara melakukannya.

Peranan ini boleh dimainkan dengan berkesan jika pendapatan ibu bapa itu didapati melebihi, selepas keperluan perbelanjaan asas untuk hidup. Kajian yang dilakukan mendapati pengawasan dan aspirasi boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dan ini termasuklah minat, dan kemesraan yang ditunjukkan oleh ibubapa (Hazil Abd Hamid (1990:115). Walaupun demikian, mereka tidak berupaya menjayakannya dengan cara yang berkesan. Ini adalah kerana bahan-bahan bacaan yang telah ditokok tambah itu memerlukan perbelanjaan tambahan dan boleh diperolehi di bandar-bandar besar sahaja.

Permasalahan pelajar mendapatkan maklumat lanjut daripada ibu bapa mengenai pembelajaran akan terbatas, sekiranya pendidikan mereka tidak tinggi. Ini akan mendorong kepada kurang interaksi antara anak dan ibu bapa berkaitan pembelajaran harian yang diikutinya di sekolah. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi mengenai pentingnya pendidikan dalam menjamin masa depan anak (Zarinah Arshat dan Rozumah Baharuddin 1999). Walau bagaimanapun, sikap sesetengah ibu bapa yang kurang berminat untuk mengikuti perkembangan pembelajaran anaknya dan sibuk untuk menambahkan pendapatan keluarga, akan mendorong pada kurangnya motivasi pada anak untuk berjaya dalam pendidikan.

Faktor bilangan ahli keluarga yang ramai akan mendorong pada kurangnya perhatian ibu bapa dalam pendidikan bagi setiap orang anaknya. Berikutan dengan ini anak-anak lebih suka menghabiskan masa di luar rumah bersama rakan-rakan sebaya bagi mengurangkan rasa tekanan apabila berada di rumah. Sekiranya anak itu tidak dapat mengawal dirinya ia akan mendorong pada pergaulan yang tidak terbatas dan berkemungkinan besar akan terbabit dengan gejala sosial yang kurang sihat seperti ponteng kelas, merokok, lepak di kompleks membeli belah dan sebagainya.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Secara umumnya, kebanyakan kajian lepas menunjukkan pencapaian akademik pelajar banyak bergantung pada status kemiskinan dan saiz sesebuah keluarga tersebut. Saiz sesebuah keluarga yang besar dan tahap kemiskinan yang tinggi memberikan kesan yang negatif kepada pencapaian seseorang pelajar (Luster & Mc Adoo (1991)).

Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada kebanyakan kajian yang telah dilakukan (Zarinah Arshat dan Rozumah, (1999), Dubow dan Luster (1991)) memfokuskan kepada responden yang berusia di bawah 15 tahun dan tinggal bersama keluarga. Dalam situasi begini keadaan kesesakan di dalam sesebuah keluarga, persekitaran dan dorongan ibu bapa serta kemudahan pembelajaran yang disediakan memberikan kesan secara langsung terhadap pendidikan seseorang pelajar.

Bagaimana pula situasinya bagi pelajar yang berusia 16 dan 17 tahun yang mendapat kemudahan tinggal di asrama sekolah? Pelajar-pelajar ini mendapat



peluang dan persekitaran yang sama diantara satu sama lain. Mereka disediakan kemudahan tempat tinggal, suasana pembelajaran, pemakanan dan jadual pembelajaran yang sistematik. Adakah faktor saiz keluarga, tahap pendidikan ibu bapa dan jumlah pendapatan keluarga masih mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ini?

Justeru itu pengkaji sangat berminat untuk melihat sejauh manakah hubungan SSE (saiz keluarga, tahap pendidikan bapa dan jumlah pendapatan keluarga) mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar yang berumur 16 dan 17 tahun yang tinggal di asrama sekolah. Memandangkan pengkaji daripada aliran teknikal dan akan menceburi bidang pendidikan Teknik dan Vokasional maka adalah rasionalnya di sini pengkaji menggunakan pelajar aliran teknikal sebagai respondennya.

### 1.5 Objektif Penyelidikan


Objektif umum kajian adalah untuk menentukan perkaitan di antara pencapaian akademik dengan SSE bagi pelajar-pelajar yang mendapat kemudahan tinggal di asrama sekolah.

Objektif spesifik kajian adalah seperti berikut:

- a) Menentukan perkaitan pencapaian akademik pelajar yang mendapat kemudahan tinggal di asrama dan tahap pendidikan ibu bapa.

- b) Menentukan perkaitan pencapaian akademik pelajar yang mendapat kemudahan tinggal di asrama dan jumlah pendapatan keluarga.
- c) Menentukan perkaitan pencapaian akademik pelajar yang mendapat kemudahan tinggal di asrama dan saiz keluarga pelajar.

### 1.6 Kerangka Teori



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian

### 1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian kes ini adalah seperti berikut:

- a) Kajian ini adalah untuk menentukan sekiranya terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang tinggal di asrama dalam aliran teknikal yang mempunyai latar belakang dan SSE yang berbeza.
- b) Sebagai satu panduan untuk individu yang ingin mengujudkan tahap SSE yang dapat menggalakkan perkembangan positif di kalangan pelajar
- c) Sebagai maklumat bagi individu yang berminat dalam pendidikan teknikal di peringkat sekolah dan boleh membimbing pelajar ke arah pencapaian akademik yang lebih membanggakan.

### 1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- a) Kajian ini hanya menumpukan pelajar tingkatan empat dan lima yang mengambil jurusan teknikal seperti Kej. Mekanikal, Kej Awam dan Kej Elektrik di Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu.

- b) Kajian hanya melibatkan pelajar yang tinggal di asrama dan mengikuti segala aktiviti asrama yang ditetapkan oleh pihak sekolah sahaja.

### 1.9 Definisi Istilah

- a) Perkaitan :

Kamus Dewan (1991 :516) telah mendefinisikan perkaitan sebagai perihal berkait atau pertalian atau hubungan antara sesuatu termasuklah orang, idea dan benda sama ada bernyawa atau sebaliknya.

- b) Status Sosioekonomi (SSE)

Mengikut Kamus Dewan (1991:1223 dan 1226) Status sosioekonomi (SSE) adalah taraf kedudukan yang melibatkan unsur-unsur atau faktor-faktor kemasyarakatan dan ekonominya. Ia merupakan satu istilah yang digunakan untuk menunjukkan taraf kedudukan.

Dalam kajian ini SSE merujuk pada tahap pendidikan, jumlah pendapatan bulanan keluarga dan saiz keluarga. Tahap pendidikan adalah kelulusan tertinggi bapa. Jumlah pendapatan keluarga dalam sebulan adalah gabungan pendapatan suami isteri dan pendapatan sampingan yang diperolehiya dalam sebulan. Bagi saiz keluarga pula diukur berdasarkan jumlah bilangan anak dalam keluarga.

c) Keluarga

Kamus Lengkap (1990:469) keluarga adalah seisi rumah iaitu suami-isteri, anak-anak yang berdasarkan perhubungan keturunan atau disebabkan oleh perkahwinan juga di antara seseorang dengan seseorang yang lain sebagai anggota keluarga (anak angkat). Secara umumnya boleh dimaksudkan sebagai sekumpulan sosial yang berada di bawah satu bumbung yang bersatu akibat dari ikatan perkahwinan, persaudaraan atau anak angkat.

d) Pencapaian akademik

Pencapaian akademik merupakan satu maklumat tentang perkembangan diri pelajar secara menyeluruh. Dari segi istilah, pencapaian adalah satu tahap penyelesaian atau tahap kecekapan dalam sesuatu kemahiran atau ilmu pengetahuan. Ia juga menunjukkan satu kemajuan atau kemerosotan dalam sesuatu bidang atau permasalahan yang timbul akan dikemukakan.

Dalam kajian ini pencapaian akademik pelajar diukur berdasarkan jumlah agregate empat mata pelajaran terpilih iaitu Matematik, Fizik, Lukisan Kejuruteraan dan Pengajian Kejuruteraan setiap jurusan. Empat mata pelajaran yang dipilih tersebut merupakan satu mata pelajaran teras dan tiga mata pelajaran elektif bagi aliran teknikal.

Bagi setiap mata pelajaran, agregate tertinggi yang boleh dicapai oleh pelajar adalah A1 dan agregate terendah adalah G9. Jumlah agregate tertinggi yang boleh di capai oleh pelajar adalah 4 hingga 9. dan terendah

adalah 30 hingga 36. Dalam kajian ini pencapaian akademik diukur pada peperiksaan pertengahan tahun 2001 yang baru lalu..

e) Pelajar

Kamus Dewan (1991:846) pelajar sebagai orang atau anak yang sedang belajar atau berguru. Belajar di sini adalah bermaksud belajar untuk mendapatkan suatu ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan dunia dan akhirat. Dalam kajian ini pelajar merujuk pada pelajar yang mengikuti aliran teknikal di Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu.

f) Aliran Teknikal

Teknikal adalah mata pelajaran elektif yang di tawarkan di sekolah menengah teknik atau disediakan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dibawah kumpulan II iaitu vokasional dan teknologi.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJOO TUN AMINAH

## BAB II

### SOROTAN PENULISAN

#### 2.1 Kajian Kerja Lepas

Faktor SSE memberi pengaruh yang besar terhadap pencapaian seseorang pelajar. Elemen-elemen seperti tahap kesedaran ibu bapa dan tahap pendidikan ibu bapa, penempatan, kemiskinan, saiz keluarga dan kualiti persekitaran rumah adalah di antara faktor yang telah dilakukan kajian. Secara umumnya, tahap SSE yang tinggi menjamin pencapaian akademik yang lebih baik.

Menurut Noraini (1994) anak daripada keluarga yang mempunyai SSE tinggi adalah lebih maju dalam persekolahan dan memperolehi lebih tinggi gred pencapaian anak daripada keluarga yang mempunyai SSE rendah. Ini adalah kerana dalam SSE tinggi, ibu bapa mampu untuk menyediakan kemudahan dan persekitaran yang selesa untuk belajar. Sebaliknya Berns (1993) menyatakan sumber-sumber yang terhad dalam keluarga kelas bawahan yang dikaitkan dengan

faktor pendapatan, menghalang ibu bapa daripada menyediakan ransangan intelektual yang bersesuaian untuk anak.

Ibu bapa memainkan peranan yang paling penting untuk merangsang pencapaian akademik anak-anak. Menurut Cotton dan Wikelund (1989) dan Desimone (1999) penglibatan ibu bapa, memberikan pelbagai kesan hasil kognitif dan afektif seseorang pelajar termasuklah peningkatan pencapaian di dalam keputusan ujian, pengurangan dalam kadar keciciran pelajar, peningkatan dalam kehadiran dan sikap pelajar, gred yang lebih tinggi, komitmen untuk menyiapkan kerja sekolah yang lebih baik dan mempunyai persepsi yang baik terhadap sekolah.

Seiring dengan itu, Dubow dan Luster (1990) turut mendapati jumlah tahun pendidikan yang diterima oleh ibu memberi kesan yang positif kepada pencapaian akademik anak. Kajian ini menunjukkan saiz keluarga dan kemiskinan memberi pengaruh yang signifikan kepada pencapaian akademik anak. Tahap pendidikan ibu yang rendah di dapati mempengaruhi ketiga-tiga ujian skor pencapaian akademik anak. Di samping itu kemiskinan dan penghargaan sendiri ibu yang rendah mempunyai perkaitan dengan masalah tingkah laku anak seperti mencederakan orang dan merosakkan harta benda sekolah. Kemiskinan dan saiz keluarga yang besar menyebabkan sumber-sumber terhad untuk diagihkan kepada ahli keluarga.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Anuar (1990) memfokuskan kepada perkaitan di antara faktor latarbelakang keluarga dan konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Kajian ini dilakukan ke atas 70 orang pelajar tingkatan lima menunjukkan terdapatnya perkaitan yang positif di antara pendidikan, pekerjaan dan pendapatan keluarga dengan pencapaian akademik anak.



Luster dan McAdoo telah membuat kajian mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian dan penyesuaian di kalangan anak-anak Afrika Amerika. Kajian ini melibatkan sebanyak 378 buah keluarga yang diambil dari sampel kajian jangka panjang yang bermula dari tahun 1979. Anak yang berumur diantara 6 hingga 9 tahun telah terpilih dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati terdapat perkaitan negatif antara status kemiskinan dan saiz keluarga dengan pencapaian anak. Manakala pendapatan keluarga mempunyai perkaitan positif dan signifikan dengan pencapaian anak.

Kualiti persekitaran rumah akan berkurangan disebabkan status kemiskinan. Ini memberikan kesan negatif kepada perkembangan kognitif anak. Saiz keluarga yang besar menyebabkan perhatian dan kemesraan yang diberikan oleh setiap ibu bapa untuk anak akan berkurangan. Ini boleh menyumbang kepada konflik keluarga dan beberapa masalah tingkah laku anak. Pendekatan autoritarian di dalam mendidik anak-anak lebih cenderung digunakan oleh ibu bapa apabila mempunyai anak yang ramai. Keadaan ini menimbulkan konflik dirumah. Kajian ini juga mendapati ibu yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi memperolehi skor yang tinggi dalam kualiti persekitaran rumah dan ibu yang berpendidikan tinggi juga mempunyai bilangan anak yang kurang.

Bagi Muller (1995) menyokong kajian sebelumnya (contoh : Anuar 1990; Dubow dan Luster 1990; Luster dan McAdoo, 1991) yang mendapati pendapatan keluarga, jumlah tahun pendidikan yang diterima oleh ibu bapa dan pekerjaan ibu memberikan kesan yang signifikan dengan pencapaian akademik anak. Namun begitu di dalam kajian ini bilangan anak tidak mempengaruhi pencapaian akademik anak.

Kajian Flord , Halsey dan Martin (1956 89-104) mengkaji keputusan dalam peperiksaan di Hetfordshire dan Middlesbrough. Hasil daripada kajian itu telah menunjukkan bahawa kedudukan sosial keluarga seperti pendapatan dan keadaan persekitaran perumahan, merupakan pertalian yang rapat dengan pencapaian anak-anak mereka jika dibandingkan dengan faktor lain seperti saiz keluarga, sikap, cara kehidupan dan pencapaian pendidikan ketua keluarga.

Menurut Douglas (1964) terdapat pertalian yang rapat antara kesesakan keluarga iaitu terlalu ramai bilangannya dalam sesebuah rumah disebabkan SSE yang meruncing atau kurang kemampuan untuk menyediakan ruang yang secukupnya untuk ahli keluarga dengan pencapaian pelajar di sekolah. Ini menunjukkan pada kita bahawa kemiskinan, suasana rumah dan keadaan terdesak yang lain masih mempengaruhi sebilangan besar pelajar hingga menyekat pintu pendidikan mereka. Alice Crow dan Lester D Crow (1980 :241) menyatakan bahawa seseorang individu itu mempunyai persamaan dan perbezaan dengan individu yang lain. Pencapaian seseorang itu boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti jantina, bangsa, pengaruh sosial dan taraf sosioekonomi.

Hazil Abd Hamid (1990 :109-132) menyatakan bahawa pencapaian pelajar adalah dipengaruhi oleh SSE. Beliau berpendapat bahawa keadaan ini sangat ketara kerana sekolah yang dipenuhi oleh pelajar dari SSE yang rendah mempunyai pencapaian yang rendah dari segi peratusan di dalam sesuatu peperiksaan berbanding pencapaian sekolah yang dipenuhi oleh pelajar yang SSE tinggi.

Mohamad Nor Che' Noh (1990 :47-62) menyatakan bahawa SSE keluarga adalah faktor yang penting dalam menentukan masa hadapan kejayaan anak-anak dalam pelajaran. Di kalangan keluarga sosioekonomi rendah, pada kebiasaannya

tidak terdapat suasana untuk menggalakkan perkembangan intelek. Di kalangan keluarga SSE tinggi pula, ibu bapa bersama-sama mengambil berat terhadap pencapaian pendidikan dan kejayaan anak mereka di sekolah. Oleh itu SSE boleh menyebabkan perbezaan dalam pencapaian pelajar di sekolah.

Dapatan daripada Kajian Keciciran di Malaysia (1973) telah mendapati bahawa kanak-kanak daripada keluarga miskin berkemungkinan besar tercicir daripada sekolah. Kemiskinan boleh mempengaruhi keciciran sebab berkemungkinan kekurangan zat makanan dan mudah dijangkiti penyakit serta mengganggu kehadiran ke kelas. Ini akan menyebabkan pelajar terbabit ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran. Kadangkala SSE juga akan mempengaruhi nilai, sikap dan aspirasi mereka menghadapi pembelajaran

## 2.2 Rumusan

Terdapat pelbagai pemboleh ubah yang mewakili SSE di dalam kajian - kajian yang lepas seperti tahap pendidikan ibu bapa, pendapatan keluarga, saiz keluarga, pekerjaan ibu, suasana persekitaran rumah dan lokasi penempatan pelajar. Namun begitu pemboleh ubah yang mempunyai kekerapan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar adalah saiz keluarga, tahap pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga (contoh; Zarinah Arshat dan Rozumah Baharuddin (1999), Muller (1995); Dubow dan Luster (1990); Luster dan McAdoo, (1991))

Kajian-kajian yang telah dijalankan memberikan sedikit gambaran mengenai interaksi pencapaian akademik pelajar dengan faktor SSE.

Pengkaji merasakan kajian seterusnya perlulah dilakukan untuk mendapatkan bukti yang lebih jelas dan kemas untuk menyokong teori-teori yang sedia ada. Adalah menjadi hasrat pengkaji untuk melihat perkaitan di antara SSE dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah aliran teknikal.

Kajian yang dilakukan ini adalah selaras dengan kajian lalu iaitu bagi menentukan perkaitan di antara SSE (tahap pendidikan bapa, tahap pendapatan dan saiz keluarga) dengan pencapaian akademik anak. Hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan oleh setiap individu untuk mewujudkan tahap sosioekonomi yang dapat menggalakkan perkembangan positif dikalangan ahli keluarga.



PTTA UTM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB III**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan mengenai kaedah kajian yang akan digunakan termasuk rekabentuk kajian, instrumentasi, pemilihan sampel, kaedah analisis, pemboleh ubah tidak bersandar, pemboleh ubah bersandar, hipotesis, prosedur penyelidikan, batasan kajian dan andaian.

#### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan perkaitan di antara SSE dengan pencapaian akademik pelajar aliran teknikal tingkatan empat dan lima.

Bentuk kajian adalah kuantitatif kerana menjerumus pada tahap SSE keluarga pelajar.

Maklumat kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bertujuan mendapatkan maklumat tentang perkaitan SSE dengan pencapaian akademik. Ianya di lihat dari aspek latar belakang keluarga, pendapatan bulanan, saiz keluarga dan tahap pendidikan.

### 3.3 Pemilihan Sampel

Sampel kajian ini adalah pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu. Ianya terletak di pinggir bandar yang jaraknya 12 km dari pusat bandar. Sekolah ini menampung pelajar tingkatan empat dan lima. Kesemua pelajar aliran teknikal yang menetap di asrama sekolah ini yang dipilih sebagai sampel secara rawak mudah bersesuaian dengan objektif kajian ini dilakukan iaitu mendapatkan perkaitan di antara pencapaian pelajar yang menetap di asrama dengan SSE keluarga.

### 3.4 Instrumentasi

Satu set borang soal selidik digunakan bagi memperolehi maklumat dalam kajian ini. Borang soal selidik ini mengandungi 3 bahagian:

a) Bahagian I

Bahagian ini mengandungi 4 item untuk mendapatkan maklumat tentang latarbelakang responden.

b) Bahagian II

Bahagian ini mengandungi 10 item untuk mendapatkan maklumat tentang status sosioekonomi keluarga.

c) Bahagian III

Bahagian ini mengandungi 3 item pernyataan berkaitan dengan pencapaian akademik responden.



**3.5 Kaedah Analisis**

Data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan kepada objektif kajian. Perisian statistik iaitu "*Statistical Package for the Social Science*" (SPSS) digunakan untuk menganalisis data kajian.

Penyelidik menggunakan bilangan dan peratus untuk menerangkan latarbelakang dan sosioekonomi keluarga responden. Manakala peratusan, min

### **Bibliografi**

Abdul Rahman Aroff, Zakaria Kasa (1994). "Falsafah Dan Konsep Pendidikan" Edisi Kedua : Fajar Bakti Sdn Bhd Kuala Lumpur.

Alice Crow dan Lester D Crow (1980). "Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan": Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Atan Long (1984). "Pendidik dan Pendidikan": Fajar Bakti Sdn Bhd Kuala Lumpur.

Cotton, K and Wikelund, K.R (1989). "Parent Involvement in Education School Improvement" Research Series <http://www.nwrel.org/scpd/sirs/3/cud.html>

Desimone, L (1999). "Linking Parent Involvement With Student Achievement: Do Race and Income Matter". The Journal of Education Research . 93(1) 11-30.

Douglas H.W.B (1964). "The Home and The School Leader"

Eee Ah Meng (1988). "Pendidikan di Malaysia untuk Guru Pelatih": Fajar Bakti Sdn Bhd Petaling Jaya Kuala Lumpur.

Flord, J Hasley, AH and Martin, I.M (1956). "Social and Education Opportunity": Heinemman London.

Hazil Abd Hamid (1990). "Sosiologi Pendidikan Dalam Perspektif Pembangunan Negara": Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Kementerian Pelajaran (1973) "Kajian Keciciran" : Kuala Lumpur



Kamus Dewan Bahasa Edisi Baru (1991) :Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Luster, T. and McAdoo, H (1991). "Factors Related To The Achivement And Adjusment of Black Children" :Society for Research in Child Development, Seattle.

Mohamad Nor Che' Noh (1990). "Asas-Asas Pendidikan Satu Pengenalan" :Flo Entenprise Petaling Jaya Selangor.

Muller, C (1995). "Maternal Employment, Parent Involvement And Mathemaatics Achivements Among Adolescent". Journal of Marriage and The Family.

Robiah Sidi dan Zaiton Sidin (1989). "Latar belakang Keluarga, Nilai dan Pencapaian": Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zarinah Arshat dan Rozumah Baharuddin (1999). "Perkaitan Di Antara Sosioekonomi dan Pencapaian Akademik Anak"  
[http://www.kempadu.gov/jkujurnal\\_dis\\_1999.htm](http://www.kempadu.gov/jkujurnal_dis_1999.htm)



PTTAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH